



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***UNSUR-UNSUR KEROHANIAN DALAM PUISI-PUISI  
SUHAIMI HAJI MUHAMMAD***

**KHALIZA BINTI KHALID**

**FBMK 2014 51**



**UPM**  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
BERILMU BERBAKTI

**UNSUR-UNSUR KEROHANIAN DALAM PUISI-PUISI  
SUHAIMI HAJI MUHAMMAD**

Oleh

**KHALIZA BINTI KHALID**

**Tesis Ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia,  
Sebagai Memenuhi Keperluan Ijazah Master Sastera**

**Ogos 2014**

## HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan yang hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis dibenarkan untuk tujuan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia.



## DEDIKASI

Terima kasih suami, Ahmad Hasnol Husain  
Terima kasih ayahanda, Allahyarham Khalid Yaakob  
Terima kasih bonda, Selasiah Ibrahim  
Terima kasih Prof. Madya Dr. Hajah Samsina Abd. Rahman  
Terima kasih Dr. Kamariah Kamarudin  
Terima kasih, pensyarah-pensyarahku  
Terima kasih anakanda, Ahmad Huzaiifi, Nur Nadiah, Ahmad Huzairi,  
Ahmad Nabil dan Ahmad Najmi  
Terima kasih teman dan rakan

Pengalaman ini  
mengajar erti kesabaran  
demi sebuah kejayaan  
tak bisa dikecapi tanpa pengorbanan  
masa, tenaga, wang ringgit tak terhitung  
demi keberkatan ilmu diperolehi  
menjadi sandaranku

Tak kenal erti putus asa  
menjadi pegangan sentiasa  
biarpun badai melanda  
namun gentar tak sekali  
perjuangan diteruskan tanpa ada prasangka  
Alhamdulillah  
akhirnya nyata kesudahannya  
berkat sokongan dan doa semua  
Terima kasih semua atas segala-galanya  
Syukur alhamdulillah atas kurniaan-Nya

**SEMOGA ALLAH SWT MEMBERKATI KITA SEMUA**

Abstrak tesis ini dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera.

**UNSUR-UNSUR KEROHANIAN DALAM PUISI-PUISI SUHAIMI HAJI MUHAMMAD**

Oleh

**KHALIZA BINTI KHALID**

**OGOS 2014**

**Penyelia: Profesor Madya Hajah Samsina binti Hj. Abd. Rahman, Ph.D.**

**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Tesis ini merupakan analisis unsur-unsur kerohanian dalam kumpulan puisi Suhaimi Haji Muhammad iaitu Kumpulan Puisi *At-Tariq* (2000), *As-Salam* (2006), *Asyik* (2006), *Nafas-nafas Nurani* (2007) dan *Taman Takwa* (2009). Objektif kajian ini ialah untuk mengenal pasti unsur-unsur kerohanian dalam kumpulan puisi Suhaimi Haji Muhammad yang dipilih dan merumuskan unsur-unsur kerohanian dalam puisi-puisi Suhaimi Haji Muhammad. Bagi menganalisis unsur-unsur kerohanian ini pengkaji menggunakan tiga kaedah iaitu kaedah keperpustakaan, kaedah analisis teks atau analisis kandungan serta pengaplikasian teori iaitu teori Takmilah yang diasaskan oleh Shafie Abu Bakar. Kajian ini bertitik tolak daripada permasalahan berkaitan unsur-unsur kerohanian yang merupakan aspek yang perlu diberi keutamaan dalam penghasilan karya puisi. Suhaimi Haji Muhammad sentiasa berusaha untuk menghasilkan puisi yang dapat memberi kesedaran serta melahirkan nilai-nilai positif dan sifat-sifat terpuji seperti benar, baik, bersyukur, tidak takbur serta bertakwa kepada Allah SWT. Kajian ini menggunakan teori Takmilah sebagai kerangka kajian. Berdasarkan penelitian dan analisis, didapati kesemua 7 prinsip teori berkenaan iaitu ketuhanan yang bersifat Kamal, kerasulan sebagai insan Kamil, keislaman yang bersifat Akmal, ilmu dengan sastera yang bersifat takamul, sastera sendiri yang berciri estetik dan bersifat Takmilah, pengkarya yang seharusnya mengistimakan diri dan khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan Kamil adalah ditemui dalam puisi-puisi yang dikaji.

Unsur-unsur kerohanian yang ditemui melalui analisis adalah seperti persoalan tentang hubungan kerohanian dengan akidah, muhasabah diri, mujahadah al-nafs, maqam-maqam kerohanian seperti makrifatullah, taubat, zuhud, sabar, takwa, tawakkal, redha, syukur serta amar ma'ruf nahi mungkar dan insan al-Kamil.

Hasil kajian mendapati dalam kelima-lima Kumpulan Puisi Suhaimi Haji Muhammad yang dikaji kebanyakannya mengutarakan unsur-unsur kerohanian dan sesuai dengan pengaplikasian teori Takmilah. Penemuan ketujuh-tujuh prinsip teori Takmilah dalam kumpulan puisi yang dikaji membuktikan kumpulan puisi karya Suhaimi Haji Muhammad ini padat dengan nilai-nilai keagamaan dan pengajaran serta dapat dikategorikan dalam hasil karya sastra Islam yang boleh dimanfaatkan oleh seluruh khalayak sastra Melayu-Islam, sama ada di Malaysia mahupun di dunia berbahasa Melayu.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the Master of Art

## **SPIRITUAL ELEMENTS IN POEMS BY SUHAIMI HAJI MUHAMMAD**

By

**KHALIZA BINTI KHALID**

**August 2014**

**Supervisor : Professor Madya Samsina binti Hj. Abd. Rahman, PhD.**

**Faculty : Bahasa Moden dan Komunikasi**

These writing analysed the spiritual elements contained in the collective work of Suhaimi Haji Muhammad entitled *At-Tariq* (2000), *As-Salam* (2006), *Asyik* (2006), *Nafas-nafas Nurani* (2007) and *Taman Takwa* (2009). The objective of this research is to identify and come up with the conclusive findings of the spiritual elements contained in group of selected poems by Suhaimi Haji Muhammad. The researcher adopted three techniques in the analysis of the elements namely the method of literature analysis, method of text analysis or analysis of the content and its theory of application and lastly application of Takmilah Theory introduced by Shafie Abu Bakar. The research mainly originated from the complex spiritual elements that were prioritized and depicted in all aspects of the making of the poems. Suhaimi Haji Muhammad consistently produced poems that provided awareness and coupled with positive values and honourable character such as honest, good, thankful, humble, piety and devotion towards the All Mighty Allah. The research aim to identify the spiritual elements in the Suhaimi Haji Muhammad groups of poems and the application of these spiritual elements with the Theory of 'Takmilah' introduced by Shafie Abu Bakar. This study uses the theory of "Takmilah" as a framework for the research. Based on the detail analysis leads to the discovery of 7 principles such as 'ketuhanan yang bersifat Kamal', 'kerasulan sebagai insan Kamil', 'keislaman yang bersifat Akmal', 'ilmu dengan sastera yang bersifat takamul', 'sastera sendiri yang berciri estetik dan bersifat Takmilah', 'pengkarya yang seharusnya mengistimikan diri' dan 'khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan Kamil'.

Amongst the spiritual elements that has been identified through this research and analysis is the discovery of spiritual elements of 'makrifatullah', 'muhasabah diri', 'mujahadah al-nafs', 'tazkiyah al-nafs' and the spiritual stages like 'taubat', 'zuhud', 'sabar', 'takwa', 'tawakkal', 'redha', 'syukur', 'amal ma'ruf nahi mungkar' and 'insan al-kamil'.

The research findings show that all five Group of Poem by Suhaimi Haji Muhammad contains the spiritual elements that are suitable to the application of 'Taklimah Theory'. The discovery of all 7 principles of 'Taklimah' Theory in the research of the abovementioned group of poems by Suhaimi Haji Muhammad proves

that Suhaimi Haji Muhammad poems are full of religious values and teachings that can be categorized as an Islamic Literature that would benefit the Malay Muslim reader, whether in Malaysia or in the world of Malay language.





## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani. Selawat dan salam atas junjungan Nabi Muhammad s.a.w. serta keluarga dan sahabat baginda.

Alhamdulillah dengan izin dan inayah-Nya telah memberikan kekuatan dan semangat yang jitu, keyakinan, kesabaran serta keazaman yang kental kepada pengkaji untuk menyelesaikan penulisan tesis ini.

Penghargaan dan terima kasih tidak terhingga diucapkan kepada penyelia tesis, Prof. Madya Dr. Hajah Samsina binti Hj. Abd. Rahman yang tidak jemu-jemu memberi tunjuk ajar, pandangan, nasihat serta bimbingan yang berguna ke arah penghasilan tesis ini.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Dr. Kamariah binti Kamarudin selaku ahli jawatankuasa penyeliaan. Juga kepada pensyarah-pensyarah di Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi yang pernah membimbing saya sama ada secara langsung atau tidak langsung serta kepada semua rakan seperjuangan.

Teristimewa buat suami tersayang, Ahmad Hasnol bin Husain, jutaan terima kasih di atas segala dorongan, kerjasama, kesabaran, pengorbanan dan kepercayaan yang diberikan sepanjang pengajian demi mengejar kejayaan dalam menuntut ilmu.

Jutaan terima kasih buat ayahanda, Allahyarham Khalid bin Yaakob di atas dorongan dan kata nasihat sepanjang hayat ayahanda.

Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada Bonda, Selasih binti Ibrahim atas sokongan dan doa yang sentiasa mengiringi anakanda sepanjang perjuangan menyiapkan tesis ini.

Kepada anak-anak, Ahmad Huzairi, Nur Nadiyah, Ahmad Huzairi, Ahmad Nabil dan Ahmad Najmi, ucapan terima kasih di atas segala-galanya. Semoga perjuangan ibu dalam menuntut ilmu menjadi pendorong semangat kepada anakanda semua untuk sentiasa menuntut ilmu demi kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Semoga kajian ini dapat memberi manfaat kepada sesiapa sahaja yang mencintai ilmu dan dapat memperkayakan lagi khazanah bangsa dan negara.

### **Sekalung Penghargaan Untuk Semua:**

Khaliza binti Khalid  
No. 35, Jalan 9/9A,  
Seksyen 9,  
43650 Bandar Baru Bangi,  
Selangor Darul Ehsan.  
2015

## PENGESAHAN

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 26 Ogos 2014 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Khaliza binti Khalid bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Unsur-unsur Kerohanian dalam Puisi-puisi Suhaimi Haji Muhammad” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sastera (Kesusasteraan Melayu)

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

**Mohd. Zariat bin Abdul Rani, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Arba'ie bin Sujud, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Nik Rafidah binti Nik Muhamad Affendi, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

**Rahimah binti A. Hamid, PhD**

Profesor Madya  
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan  
Universiti Sains Malaysia  
(Pemeriksa Luar)

---

**ZULKARNAIN ZAINAL, PhD**

Profesor dan Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 12 Mac 2015

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Samsina Abd. Rahman, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Kamariah Kamarudin, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**BUJANG BIN KIM HUAT, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## Perakuan Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa:

- Tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- Setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- Tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- Hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Tiada plagiat atau pemalsuan/ fabrikasi data dalam tesis dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: Khaliza Binti Khalid (GS19534)

**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- Penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012 – 2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : \_\_\_\_\_


Nama Pengerusi

Jawatankuasa Penyeliaan : Prof. Madya Hajah Samsina Abd. Rahman, PhD

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama Ahli

Jawatankuasa Penyeliaan : Kamariah Kamarudin, PhD



## SENARAI KANDUNGAN

Muka surat

<b>ABSTRAK</b>	<b>i</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>iii</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>v</b>
<b>PENGESAHAN</b>	<b>vi</b>
<b>PERAKUAN</b>	<b>viii</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xiii</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xiv</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xv</b>

### BAB

<b>I</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
	Pengenalan	1
	Biodata Suhaimi Haji Muhammad	3
	Pernyataan Masalah	6
	Objektif Kajian	10
	Kepentingan Kajian	10
	Batasan Kajian	11
	Kaedah Kajian	11
	Definisi Konsep dan Operasional	12
	Unsur	12
	Kerohanian	12
	Puisi	16
	Definisi Operasional	17
<b>II</b>	<b>SOROTAN LITERATUR</b>	<b>18</b>
	Pengenalan	18
	Kajian dan Tulisan berkaitan Aspek Kerohanian	18
	Kajian Mengenai Suhaimi Haji Muhammad	23
	Kajian dan Tulisan berkaitan Teori Takmilah	25
	Rumusan	30
<b>III</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>31</b>
	Pengenalan	31
	Kaedah Kajian	31
	Pemilihan Bahan Kajian	31
	Teori Takmilah	32
	Latar Belakang Teori Takmilah	32
	Prinsip Ketuhanan Yang Bersifat Kamal	34
	Prinsip Kerasulan Sebagai Insan Kamil	35
	Prinsip Keislaman Yang Bersifat Akmal	35
	Prinsip Ilmu Dengan Sastera yang Bersifat Takumul	36

Prinsip Sastra Sendiri Yang Berciri Estetik dan Bersifat Takmilah	37
Prinsip Pada Pengkarya Yang Seharusnya Mengistimikan Diri	37
Prinsip Khalayak Bertujuan Memupuk Mereka Ke Arah Insan Kamil	38
Pesuratan Adap	40
Pesuratan Tamadun	40
Rumusan Teori Takmilah	41
Kerangka Kajian	42
<b>IV UNSUR-UNSUR KEROHANIAN DALAM PUISI-PUISI SUHAIMI HAJI MUHAMMAD</b>	<b>43</b>
Pengenalan	43
Hubungan dengan Kerohanian dengan Akidah	43
Muhasabah Diri (Penyucian Diri)	49
Mujahadah A-Nafs	52
Makrifatullah (Mengenal Allah)	59
Taubat	63
Zuhud	67
Sabar	70
Takwa	74
Tawakkal	76
Redha	79
Syukur	81
Amar Ma'ruf Nahi Mungkar	85
Insan Al-Kamil	87
<b>V KESIMPULAN DAN DAN CADANGAN</b>	<b>93</b>
Kesimpulan	93
Cadangan	96
<b>BIBLIOGRAFI BIODATA PELAJAR</b>	<b>97</b>
	<b>104</b>

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>		<b>Halaman</b>
1	Kerangka Kajian dan Aplikasi Teori	42





## SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
1	Batasan Kajian	11



## SENARAI SINGKATAN

SWT	-	Subhanahu wa Ta'ala
s.a.w	-	Sallallahu Alaihi Wasalam
hlm	-	halaman



## BAB I

### PENDAHULUAN

#### Pengenalan

Unsur kerohanian dalam diri manusia merupakan paksi sebenar dan hakikat sejati dirinya. Sehubungan itu, unsur kerohanian perlu disuburkan dan diperkukuhkan dengan sewajarnya melalui unsur-unsur keimanan dan amal soleh yang juga tidak lain daripada adunan dan ramuan yang terdapat dalam prinsip-prinsip akhlak yang mulia dalam Islam. Manusia perlu merancang ke arah melahirkan unsur kerohanian diri ke arah yang lebih positif agar dapat membentuk ketakwaan kepada Allah SWT. Menurut Zakaria Stapa, (1995: 16) manusia telah diciptakan oleh Allah SWT daripada dua unsur iaitu satu yang disebut jasmani (luaran) dan satu lagi yang dinamakan rohani (dalaman). Antara dua unsur ini, unsur kerohanian yang didatangkan secara langsung daripada Roh Kudus Allah SWT merupakan hakikat jati diri insan dan berperanan memberikan ciri kehebatan dan keunggulan makhluk manusia berbanding dengan makhluk-makhluk ciptaan Allah yang lain. Imam al-Ghazali menjelaskan aspek kerohanian manusia terangkum di dalamnya unsur kalbu, roh, nafs (jiwa) dan akal yang bersifat Latifah Rabbaniyyah Ruhaniyyah.

Adapun perkataan roh dan rohani yang juga berasal dari bahasa Arab mempunyai maksud nyawa, jiwa; sesuatu yang hidup yang tidak berbentuk jasmani, yang berakal dan berperasaan. Rohani ialah sesuatu yang bersifat roh, berupa roh atau yang bertalian dengan roh (As-Syeikh Ahmad Ridha' Hasbullah, 2004: 76-77).

Sementara itu Imam al-Ghazali mengungkapkan bahawa roh ada dua makna. Pertama, berupa jenis yang halus yang bersumber dari rongga hati jasmani dengan perantaraan otot-otot dan urat-urat yang bermacam-macam itu tersebar ke seluruh bahagian-bahagian badan. Kedua, berupa suatu sifat halus pada manusia yang dapat mengetahui segala sesuatu dan dapat menangkap segala pengertian. Perkataan lain yang berhubungan dengan rohani ialah al-Nafs, yang dapat diertikan tempat tumpuan kekuatan sifat marah dan syahwat dan dapat juga dimaksudkan nafsu dalam erti yang halus, iaitu manusia dengan hakikat kemanusiaan (peribadi dan zat manusia) (As-Syeikh Ahmad Ridha' Hasbullah, 2004: 77).

Suhaimi Haji Muhammad dalam *Dewan Sastera*, April 1998 hlm. 96-97 menyatakan:

"Saya menggunakan masa yang amat panjang menghayati, memikirkan, menganalisis rahsia, menunggu lama untuk mendapat jawapan tertentu, berusaha menemukan suasana, masa dan tokoh tertentu, membaca al-Quran dan Hadis, berdoa, dan berzikir dalam proses penciptaan karya-karya saya. Usaha saya adalah untuk menulis karya besar yang dihormati, mulia, berakhlak, dan diredai Allah SWT. Saya mencurahkan sebahagian besar tenaga dan masa saya untuk berkarya. Saya yakin inilah cara untuk mencipta karya besar. Karya besar menuntut ketahanan dan pengorbanan pengarang

yang luar biasa. Sambil lewa dan iseng-iseng tidak mungkin menghasilkan karya yang besar. Perkataan "main-main" atau "suka-suka tidak akan membuahkan karya yang kita idam-idamkan ini. Mencipta karya besar menghendaki kita serius dalam segala hal yang membabitkan proses penciptaan meliputi masa, tenaga, wang ringgit, pemikiran, pembacaan, pengkajian, analisis, kesabaran, ketekunan, kerajinan, tenaga, keikhlasan, dan penyaringan. Di samping itu kita hendaklah memohon petunjuk Allah di samping sentiasa mengingati dan mendampingi-Nya. Inilah yang saya lakukan. Di samping itu, saya tidak peduli apa yang orang lain kata. Saya lebih yakin dengan penemuan dan keyakinan saya sendiri. Sumber rujukan saya ialah al-Quran, Hadis, ulama dan petunjuk Allah dalam apa-apa jua perjuangan saya. Bagi saya, karya agung ialah karya yang menerangi kegelapan manusia. Apa-apa aliran pun yang digarap oleh pengarang, realisme, surealisme, absurdisme, impresionisme, dadaisme, cubisme, intelektualisme, sufisme, mistisisme, naturalisme, dan filosofisme harus bertujuan memandu manusia menuju dan mencapai keredaan Allah. Karya serius yang dipenuhi saranan kemanusiaan, persaudaraan, akhlak, tauhid, dan iman ini akan menjadi karya besar. Isi karya lebih penting dan yang menentukan kebesarannya. Bentuk hanya merupakan hiasan dan pakaian. Isi karya adalah nyawa karya itu. Meskipun bentuk perlu, namun tujuan yang lebih penting adalah mendatangkan kesan dan daya tarikan kepada audiens. Jika dapat, biarlah isinya baik dan bentuknya pula sesuai. Namun bentuk tidak lebih penting daripada isi. Saya berjuang mencapai cita-cita mahu meninggalkan seberapa banyak karya besar dalam kesusasteraan. Wawasan saya bukan untuk keluarga dan bangsa saya sahaja, malah untuk semua umat manusia. Suara karya saya tiada sempadan."

Suhaimi Haji Muhammad adalah penyair Malaysia yang prolifik, kontroversial dan konsisten dalam pengkaryaan puisi. Beliau mula menceburi bidang penulisan puisi sejak tahun 1950. Sumbangan beliau terhadap perkembangan kesusasteraan tanah air, khususnya dalam bidang seni telah diiktiraf apabila beliau dianugerahkan Anugerah Penulis Perak pada tahun 1987 oleh kerajaan negeri Perak Darul Ridzuan, *S.E.A Write Award* pada tahun 1995 dan Hadiah Sastera Malaysia pada tahun 1971 dan 1987.

Nahmar Jamil dalam akhbar *Utusan Zaman*, bertarikh 31 Januari 1971, menyatakan "Penyair Suhaimi Haji Muhammad menggunakan kata-kata biasa dalam sajak-sajaknya tapi mempunyai makna berlapis-lapis. Kalau boleh dikatakan sajak-sajaknya sebagai laut yang dalam untuk sampai ke dasarnya. Kelihatan sajak-sajak Suhaimi bukan diminta untuk dibaca, tapi diminta untuk difikir. Terasa kita dipaksa memerah otak untuk memahaminya. Bagai kita memerah otak untuk memahami Ilmu Hisab".

Seterusnya, menurut Ramli Isin dalam *Utusan Zaman*, 5 Mei 1974, beliau menyatakan:

"Satu hal yang amat menarik pada penyair ini (SHM) ialah beliau adalah penyair kita yang pertama yang dengan penuh keyakinan dan penuh kesedaran cuba menerobos ke dalam teknik penulisan puisi kita jauh lebih dulu daripada teman-temannya yang sezaman".

Dalam kajian ini, pengkaji akan menganalisis unsur-unsur kerohanian dalam lima Kumpulan puisi Suhaimi Haji Muhammad *iaitu* Kumpulan Puisi *At-Tariq* (2000).

Kumpulan Puisi *As-Salam* (2006). Kumpulan Puisi *Asyik* (2006). Kumpulan Puisi *Nafas-Nafas Nurani* (2007) dan seterusnya Kumpulan Puisi *Taman Takwa* (2009). Kesemua kumpulan puisi tersebut diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

### **Biodata Suhaimi Haji Muhammad**

Suhaimi Haji Muhammad dilahirkan di Kota Lama Kiri, Kuala Kangsar, Perak Darul Ridzuan, pada 8 Februari 1934. Beliau mendapat pendidikan Melayu dan Inggeris di sekolah rendah dan sekolah menengah di negeri Perak, sehingga lulus Sijil Senior Cambridge, yang merangkumi dua sijil, iaitu *Overseas School Certificate* dan *Malaysia Certificate of Education* pada tahun 1966. Di samping itu, Suhaimi mempelajari bahasa Arab daripada abangnya sewaktu kecil, dan setelah dewasa, beliau mendalami ilmu sedia ada dengan menghadiri kelas-kelas bahasa Arab, yang tenaga pengajarnya terdiri daripada pensyarah-pensyarah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kuala Lumpur (Suhaimi Haji Muhammad, 2010: 275).

Selain belajar secara formal, Suhaimi Haji Muhammad juga mendapat pelajaran agama Islam, iaitu ilmu tauhid, fiqh, tasawuf, tajwid, hadis dan tafsir al-Quran dengan beberapa orang tuan guru, di beberapa buah sekolah dan pusat-pusat pengajian agama Islam. Beliau pernah mempelajari ilmu tajwid secara khusus selama 10 tahun, dan mempelajari ilmu lagu al-Quran dengan dua orang guru, kerana ingin menjadi seorang qari yang baik. Pelajaran agama yang paling digemarinya ialah tasawuf dan bacaan al-Quran, yang meliputi ilmu tajwid dan ilmu tafsir. Di samping Sijil Senior Cambridge, Suhaimi juga memiliki Sijil Sekolah Agama yang membolehkannya menjadi guru agama, namun Suhaimi Haji Muhammad memilih menjadi guru biasa. Beliau mengikuti latihan perguruan di Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim, (kini Universiti Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim), negeri Perak dari tahun 1951 hingga tahun 1955 (Suhaimi Haji Muhammad, 2010: 276).

Penyair mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang pendidikan. Beliau pernah mengajar di sekolah rendah dan menengah di negeri Perak. Beliau pernah menjadi guru bahasa Melayu dan bahasa Inggeris di sekolah rendah dan menengah. Beliau menjawat jawatan guru dari tahun 1950 hingga tahun 1975. Selepas itu, beliau menjadi editor majalah kesusasteraan, ketika berkhidmat dengan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, dari tahun 1975 hingga tahun 1989. Sebagai seorang penulis, Suhaimi telah menulis lebih daripada 55 tahun (semenjak tahun 1950). Sewaktu berusia 16 tahun, karyanya yang pertama dalam bentuk cerpen, berjudul “Korban Lantaran Ayah” tersiar dalam majalah *Mutiara*, keluaran Disember 1950, diterbitkan di Singapura. Sehingga kini, Suhaimi telah berjaya menerbitkan 25 kumpulan puisi, tiga buah kumpulan cerpen dan sebuah kumpulan esei / kritikan kesusasteraan, disamping menulis buku-buku dengan pengarang-pengarang lain (Suhaimi Haji Muhammad, 2010: 276).

Karya-karya Suhaimi telah dibicarakan dengan meluas oleh banyak pihak yang terdiri daripada pengkritik kesusasteraan, para sarjana, para guru, penulis-penulis dan mahasiswa. Antaranya, Abdul Rahman Hanafiah (Mana Sikana), Anuar Nor Arai, Rahman Shaari, Muhammad Uthman El Muhammady, Zakaria Ali, Anwar Ridhwan, Ahmad Kamal Abdullah, Ramli Isin, Li Chuan Siu, Mohamed Daud Mohamed. Umar

Junus, Mustapha Kamil Yassin, Sahlan Mohd. Saman, Ilias Zaidi, Talib Samat, Ishak Haji Muhammad, Sasterawan Negara Shahnnon Ahmad, Sasterawan Negara A. Samad Said, Harris Effendi Thahar (Indonesia), Rusli A. Mali (Indonesia), Zainuddin Tamir Koto (Indonesia), Nahmar Jamil, Adibah Amin, Azah Aziz, Noorsantara, A. Rahim Abdullah, Dharmawijaya, Johan Jaafar, Hasni Abas, Mohamad Shaidan, Jaafar Abdul Rahim, Pyanhabib, Ibrahim Hamid, Azman Ismail, Baharuddin Kahar dan Malim Ghozali PK. Pelbagai pendapat dan pemikiran timbul daripada perbincangan tersebut, sama ada menyokong dan menolak karya-karya atau gagasan pemikirannya. Tidak kurang daripada 110 rencana yang pernah membicarakan tentang karya dan gagasan pemikirannya (Suhaimi Haji Muhammad, 2010: 277).

Beliau terkenal sebagai seorang penyair surealis dan mistik Melayu akhir abad ke-20 dan awal abad ke-21 dalam perkembangan kesusasteraan Melayu moden. Mulai tahun 1960 hingga tahun 1980, beliau memberikan dedikasinya terhadap penulisan puisi-puisi surealis, dan mulai tahun 1980 beliau memberikan dedikasi terhadap penulisan puisi-puisi mistik hingga sekarang. Sebelum itu, dari tahun 1950 hingga tahun 1960, beliau menulis puisi dalam aliran realisme (Suhaimi Haji Muhammad, 2010: 277).

Suhaimi telah memenangi beberapa anugerah dan hadiah kesusasteraan. Dalam tahun 1971, 1987 dan 1998, beliau memenangi Hadiah Sastera Nasional Malaysia bagi puisi-puisinya. Pada tahun 1981, beliau memenangi Hadiah Puisi Berunsur Islam, daripada Jabatan Perdana Menteri Malaysia. Pada tahun 1987, beliau dikurniakan Anugerah Penulis (Sasterawan) Perak 1987 kerana sumbangannya dalam menghasilkan karya-karya kreatif dan non-kreatif, oleh kerajaan negeri Perak Darul Ridzuan. Pada tahun 1995, beliau telah dikurniakan anugerah S.E.A Write Award 1995 di Bangkok, Thailand, yang merupakan anugerah paling berprestij dalam kalangan penulis-penulis di rantau Asean. Pada tahun 1998, Suhaimi dikurniakan Anugerah Yayasan Kesenian Perak, daripada kerajaan Perak Darul Ridzuan. Pada tahun 1998 dan 1999, beliau menerima pula Hadiah Sastera Utusan Melayu-Public Bank kerana puisi-puisinya. Antara karya-karya puisinya daripada aliran surealisme ialah *Lain Jiwa Lain Wajah* (1960), *Rontgen* (1963), *Bulan Purnama* (1981), *Imej* (1982), *Menganyam Bulan* (1983), *Siluet* (1984), *Menterjemah Bintang* (1985), *Tulang* (1986), *Alam Anggur* (1987), *Nyanyian Undan* (1991), *Arca Impian* (1997) dan *Cintamu Ummi* (2007). Karya-karya puisinya daripada aliran mistikisme ialah *Lilin Seinci* (1980), *Di Malam Gelita Ini* (1981), *Wujud* (1997), *Simfoni Perjalanan* (1999), *At-Tariq* (2000), *An-Nur* (2003), *As-Salam* (2006), *Asyik* (2006), *Taman Takwa* (2009), *Denyutkan Jantung* (2010) dan *Puisi-Puisi Terakhir Seorang Penyair* (2011). Karya dalam aliran realisme ialah *Jalan ke Kotaku* (1959). Manakala karya yang mengutarakan aliran eksistensialisme ialah *Apabila Malam Semakin Malam* (2008) (Suhaimi Haji Muhammad, 2010: 278).

Sebagai seorang penulis dan penyair, Suhaimi Haji Muhammad merupakan seorang yang amat dedikasi terhadap kerja-kerja kepengarangan dan kepenyairannya. Beliau amat berpegang teguh terhadap kepercayaan dan prinsip kepengarangan dan penyairannya. Sewaktu menumpukan dedikasinya terhadap penulisan puisi-puisi surealis, beliau mengisytiharkan: “Bahawa realisme bukan hasil seni” (1960-an). Sewaktu menumpukan penulisan karya-karya mistik, beliau menyatakan: “Bahawa beliau berpegang kepada prinsip *al-haqq* (kebenaran), *al-khair* (kebaikan) dan *al-jamal* (keindahan) dalam merealisasikan karya-karyanya” (1980-an). Sebagai salah seorang penulis dan penyair mapan di Malaysia, Suhaimi Haji Muhammad pernah



dicalonkan untuk Anugerah Sasterawan Negara Malaysia. Penyair berkecayaan menjadi guru agama sekolah rendah tetapi memilih menjadi guru biasa lalu memasuki latihan perguruan di Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak dari tahun 1951 hingga 1954. Beliau berpengalaman luas sebagai seorang guru di sekolah rendah dan menengah di negeri Perak dari tahun 1950 hingga 1975. Beliau juga berpengalaman sebagai editor majalah kesusasteraan semasa berkhidmat di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur mulai tahun 1975 hingga 1989. Suhaimi Haji Muhammad merupakan seorang penyair yang amat prolifik dan paling kontroversial dalam perkembangan kesusasteraan Melayu, Malaysia. Semenjak karya sulungnya, sebuah cerpen tersiar dalam sebuah majalah bulanan di Singapura dalam tahun 1950, beliau menjadi penulis yang memegang teguh konsep dan stailnya sendiri. Meski pun beliau mula menulis pada tahun 1950-an, beliau tidak terpengaruh dengan konsep gagasan dan stail penulisan penulis-penulis sezamannya. Malah, beliau adalah seorang penulis yang cuba keluar dari tradisi penulis-penulis zamannya (Suhaimi Haji Muhammad, 2010: 279).

Suhaimi Haji Muhammad adalah penyair yang terkenal dengan sajak-sajak surealisme. Muncul sebagai penyair yang mempunyai kekuatan dan keperibadian yang tersendiri. Nama Suhaimi Haji Muhammad muncul dan memuncak pada era 1960-an, sebaris dengan penyair Latiff Mohidin, Muhammad Hj. Salleh dan Baha Zain. Bahkan boleh dikatakan Suhaimi Haji Muhammad dalam beberapa sudut mendahului dan mengatasi barisan penyair pada era tersebut, khususnya estetika dan avant garde surealismenya. Sehingga hari ini beliau konsisten menulis. Namun nama Suhaimi kurang diperhatikan memandangkan kecenderungan para sarjana yang juga penulis ketika itu untuk mengangkat aliran dan perjuangan kelompok masing-masing. Malangnya Suhaimi Haji Muhammad adalah penyair yang muncul 'bersendirian' dan tidak bergerak dalam mana-mana kelompok. Bahkan aliran yang dibawa oleh penyair dalam dunia persajakan juga datang daripada kekuatan 'bersendiriannya'. Faktor ini di samping faktor saingannya kepada penyair-penyair lain yang juga berpengaruh dalam dunia 'pemilihan dan pelestarian' tokoh dunia sastera ketika itu, mungkin membuatkan namanya 'ditenggelamkan'. Suhaimi Haji Muhammad meninggal dunia pada 3 Januari 2014 dalam usia 80 tahun. Bidang Sastera Melayu tanahair telah kehilangan seorang tokoh sastera kerana penyair merupakan seorang yang sangat menyintai dunia puisi dan menulis puisi dengan jiwanya. Berikut ialah tanggapan Suhaimi Haji Muhammad apabila memperkatakan tentang falsafah dan kehidupan yang melingkari karyanya:

"hidup dan mati tidak punya batasan, sebaliknya hidup dan mati wujud dalam suatu alam yang berterusan. Dan adapun kematian merupakan tujuan sebenar kepada kehidupan. Dan fungsi bagi kehidupan adalah untuk menyucikan diri, lahir dan batin".

([http://www.utusan.com.my/utusan/Sastera/20140105/sa\\_01/Kembalinya-penyair-surrealis](http://www.utusan.com.my/utusan/Sastera/20140105/sa_01/Kembalinya-penyair-surrealis)).

## Penyataan Masalah

Unsur-unsur kerohanian amat penting dalam kehidupan manusia untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. Ini jelas kerana semakin jauh seseorang dari Tuhan, semakin meranalah hatinya. Apabila usaha-usaha pendekatan itu dilakukan, maka lahirlah kegembiraan dan keghairahan hidup, yang jika perjalanan itu diteruskan akan didapati kenikmatan rohani, kelazatan spiritual dan kian dekat seorang hamba kepada Tuhan. Tegasnya, hidup manusia di dunia ini hanyalah untuk waktu yang sementara sahaja. Umat Muslim yang dianugerahkan dengan daya kreativiti dan sensitiviti di samping anugerah sedia ada iaitu aspek kerohaniannya sering berusaha untuk mengungkapkan unsur-unsur kerohanian dalam genre sastera seperti puisi. Bagi pembentukan kerohanian, seseorang itu memerlukan petunjuk, bimbingan dan teladan daripada pembimbing di sekelilingnya. Melalui pembangunan jiwa akan lahir tamadun kerohanian atau akhlak yang mulia dan terpuji atau terbangun insaniah manusia yang dikatakan sebagai jati diri. Allah SWT berfirman dan surat al-Maidah ayat 2 yang bermaksud:

“Tolong-menolonglah kamu dalam perkara kebaikan dan ketakwaan, dan jangan sekali-kali kamu memberi pertolongan di atas perkara kejahatan dosa yang membawa kepada perseteruan, dan takut olehmu akan Allah. Sesungguhnya Allah akan mengenakan seksaan yang amat dasyat”.

(Sheikh Abdullah Basmeih, 2008: 106)

Kerohanian adalah satu contoh dan amalan kehidupan Nabi Muhammad s.a.w. Berkat cara hidup kerohanian di zaman Rasulullah, telah menjadi panduan dan pedoman kepada kaum muslimin untuk mencontohi diri Baginda sendiri. Umat Islam terdahulu sanggup berjuang bersama untuk menegakkan ketinggian agama Allah sehingga jatuh kekuasaan lawan-lawannya ke tangan umat Islam. Kehidupan Rasulullah s.a.w. adalah terjemahan yang tepat kepada konsep kehidupan kerohanian Islam iaitu kehidupan yang hakiki di sisi Allah Maha Pencipta. Pembangunan setiap insan adalah berkait rapat dengan hidup kerohanian bahkan kerohanian merupakan asas bagi pembangunan insan. Sekiranya rohani seseorang rosak maka jasmani juga akan turut rosak kerana rohani menguasai jasmani dalam segala perbuatan. Oleh itu, pengkaji merasakan perlunya tindakan ke arah membangun dan membina rohani masyarakat. Cara hidup masyarakat masa kini juga lebih mementingkan kebendaan duniawi daripada membina kerohanian yang membawa manusia mendekati Allah SWT. Yusuf al-Qaradawi dalam buku yang diterjemahkan oleh Rosli Mokhtar (2011: 86-87) berjudul *Kesederhanaan dalam Islam* menegaskan keperluan terhadap mengimbangkan antara kerohanian dan kebendaan, ketuhanan dan kemanusiaan, akal dan hati, dunia dan akhirat, antara hak Allah, hak diri sendiri dan hak orang lain. Mengimbangkan antara pencapaian kebendaan dan ekonomi dengan pencapaian kerohanian dan akhlak. Antara jihad yang wajib ialah menyuruh kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran, sama ada dengan tangan, lisan atau dengan hati berdasarkan kemampuan.

Latihan kerohanian seperti mengamalkan ibadah boleh memperkukuhkan kerohanian dan penjelasan mengenai manfaat melaksanakan ibadah diwahyukan Allah SWT perlu disampaikan secara jelas supaya masyarakat mengetahui bagaimana mengimbangi antara tuntutan dunia dengan akhirat. Sehubungan itu, pengkaji merasakan seseorang



manusia perlu mencari sebanyak mungkin ilmu yang dapat membawa manusia menuju kepada Allah SWT, mengenali-Nya, tahu sifat-sifat-Nya, tahu kekuasaan-Nya, sedar kemurkaan-Nya serta sentiasa mendekati diri kepada Allah SWT. Pengkaji berpendapat melalui pengkajian unsur kerohanian dalam kumpulan puisi karya Suhaimi Haji Muhammad ini sedikit-sebanyak dapat menarik minat khalayak untuk memuhasabah diri ke arah menjadi insan yang lebih bertakwa.

Pendapat Suhaimi Haji Muhammad sendiri seperti yang dijelaskan dalam bahagian pengenalan menggambarkan unsur kerohanian merupakan aspek yang perlu diberi keutamaan dalam penghasilan karya puisi. Beliau sentiasa berusaha untuk menghasilkan puisi yang dapat memberi kesedaran serta melahirkan nilai-nilai positif dan sifat-sifat terpuji seperti benar, baik, bersyukur, tidak takbur serta bertakwa kepada Allah SWT. Kemajuan yang seimbang akan memberi kesan yang mendalam dan ketara bagi mempertingkatkan nilai kemanusiaan sejagat. Ini merupakan satu cara dan disiplin yang sangat berkesan bagi manusia mentarbiyahkan hawa nafsu, membersihkan diri dari segala sifat keji yang boleh merosakkan hubungan manusia dengan penciptanya dan hubungan manusia dengan sesama manusia.

Suhaimi Haji Muhammad telah menukar haluan penciptaan puisinya daripada surealisme kepada kerohanian pada tahun 1980-an. Kumpulan puisi Suhaimi Haji Muhammad selepas itu banyak mengungkapkan pemikiran dari sudut kerohanian. Puisi-puisinya yang dikaji jelas dan ketara mengutarakan dan membicarakan unsur-unsur kerohanian. Puisi begini amat penting kerana ia menghubungkan pertalian antara manusia dan Allah. Puisi dapat berfungsi sebagai lambang untuk menyuarakan perasaan hati. Puisi mengandungi tema, amanat dan makna tersirat di dalamnya.

Suhaimi Haji Muhammad berusaha melahirkan karya besar yang dihormati, berakhlak dan diredhai Allah. Kegigihan beliau melahirkan puisi berunsur kerohanian dipaparkan hasil daripada pengalaman, kehidupan, alam, buku, Al-Quran, hadis dan ulama yang menjadi rujukan beliau. Beliau menggarap pengalaman keagamaan dalam usaha memperjuangkan cita-citanya, berfikir tanpa henti, berekperimen, mencari rahsia demi rahsia, menyelidik dan membaca daripada pelbagai sumber. Puisi-puisi beliau sesuai sebagai puisi rohaniah kerana beliau menggunakan sepenuhnya latar belakang agama Islam bagi menampilkan sikap beliau dalam membicarakan pelbagai masalah dan peristiwa. Keyakinan beliau yang tinggi terhadap agama Islam telah mendorong beliau menghasilkan puisi yang berunsur kerohanian dan beliau cuba menyakinkan pembaca bahawa manusia perlu berusaha untuk mencapai keredhaan Allah. Ini kerana hasil karya yang dihasilkan oleh beliau bertujuan menerangi kegelapan manusia serta dapat memandu manusia ke jalan yang diredhai oleh Allah. Justeru itu, pengkaji merasakan perlu dibuat kajian yang mendalam ke atas kumpulan puisi Suhaimi Haji Muhammad ini kerana unsur-unsur kerohanian yang terkandung dalam kumpulan puisi yang dikaji hasil karya Suhaimi Haji Muhammad ini memerlukan daya intelek dan taakulan yang mendalam daripada peminat sastera atau pembaca untuk mencungkil dan menyelami unsur-unsur kerohanian yang terkandung di dalamnya.

Malah, hal ini juga telah dibuktikan oleh catatan Suhaimi Haji Muhammad sendiri dalam Kumpulan Puisi *At-Tariq* (2000: xxvi - xxvii). Beliau menyatakan telah menulis empat buah kumpulan puisi yang bercirikan keagamaan iaitu *Di Malam Gelita Ini* (1981), *Wujud* (1997), *Simfoni Perjalanan* (1999) dan *At-Tariq* (2000). Kandungan

buku-buku ini khusus membicarakan tentang keagamaan dan kerohanian, tidak seperti kumpulan puisi beliau yang lain yang di dalamnya mengandung pelbagai persoalan, terdiri daripada masalah sosial, politik, ekonomi, sains, teknologi dan agama. Suhaimi Haji Muhammad dalam *Dewan Sastera* keluaran bulan Oktober 2005 di halaman 33 hingga 35, beliau menulis esei bertajuk "Puisi Mistik Hakikat Batin Yang Indah". Menurut beliau menulis karya mistik merupakan suatu manifestasi atau pernyataan terhadap keindahan (*jamaal*) dan terhadap kesempurnaan (*kamaal*) rahsia-rahsia dalaman, yang juga transendental yakni melampaui fikiran dan imaginasi manusia.

Kajian ini perlu dilakukan bagi melihat unsur-unsur kerohanian yang dikaitkan dengan puisi-puisi yang berunsurkan Islam seperti yang ingin diketengahkan. Unsur-unsur kerohanian ini sering diketengahkan oleh penyair-penyair yang menyetengahkan unsur-unsur Islam seperti Shafie Abu Bakar, Anismas Ar, A. Aziz Deraman, Abham TR, Kemala, Ali Ahmad, Nahmar Jamil, Firdaus Abdullah, Rizi S.S, Ashaari Muhammad, Salleh Abu Bakar dan Suhaimi Haji Muhammad. Penyair-penyair tersebut menghasilkan karya yang berunsurkan Islam mengikut kreativiti masing-masing dalam memperjuangkan kesinambungan puisi-puisi yang berunsur kerohanian dan bercirikan Islam.

Latar belakang Suhaimi Haji Muhammad sendiri yang pernah mempelajari bahasa Arab, ilmu-ilmu Tauhid, Feqah, Tasawuf, Tajwid, Hadith dan Tafsir banyak membantu beliau untuk menghasilkan puisi-puisi yang berunsurkan kerohanian yang menjurus ke arah kesempurnaan insan dan kebesaran Allah SWT. Kesempatan beliau mengerjakan fardhu haji yang merupakan rukun Islam yang kelima, juga banyak membimbing beliau untuk menghasilkan puisi-puisi yang berunsur kerohanian yang memperlihatkan hubungan manusia dengan Allah SWT dan hubungan manusia dengan sesama manusia. Justeru itu, timbul kesedaran kepada pengkaji untuk menyingkap maksud puisi-puisi beliau yang banyak memperlihatkan unsur-unsur kerohanian. Pengaruh luar seperti puisi yang indah yang dibaca oleh khalayak mampu meningkatkan unsur-unsur kerohanian dalam diri pembaca sendiri. Ini jelas menunjukkan adanya perkaitan antara latar belakang penyair dalam penghasilan puisi-puisi yang berunsur kerohanian.

As-Syeikh Ahmad Ridha' Hasbullah, (2004: 132) sendiri menegaskan hati insan amat memerlukan santapan. Melalui santapan rohani yang diberikan seperti mendengar bacaan ayat-ayat Al-Quran dengan segala kesyahduan, maka tenteram, dan tenanglah jiwa manusia. Demikian juga apabila jiwa manusia selalu memperoleh nasihat dari taburan mutiara hikmah, maka jiwa itu akan mekar laksana kembang yang mendapat siraman air. Dalam hubungan ini hati merupakan anggota yang paling berbahaya, dan sesiapa yang mempunyai hati yang sakit akan mendatangkan kesan yang buruk kepadanya. Dalam hal ini Allah SWT sentiasa mengingatkan kepada hamba-Nya melalui firman-Nya dalam al-Quran, surah Asy-Syu'araa, ayat 88-89 yang bermaksud:

“Di hari yang tidak ada manfaat sama ada harta benda begitu juga anak-anak melainkan sesiapa yang menghadap Allah dengan hati yang suci murni iaitu penuh keikhlasan kerana Allah semata-mata.” (Sheikh Abdullah Basmeih, 2008: 371)

Justeru, fokus kajian dalam tesis ini adalah untuk melihat dan mengkaji unsur-unsur kerohanian seperti hubungan kerohanian dengan akidah, muhasabah diri, mujahadah

al-nafs, maqam-maqam kerohanian seperti makrifatullah, taubat, zuhud, sabar, takwa, tawakkal, redha, syukur serta amar ma'ruf nahi mungkar dan insan Al-Kamil yang terdapat di dalam kumpulan puisi Suhaimi Haji Muhammad iaitu yang berjudul Kumpulan Puisi *At-Tariq* (2000), Kumpulan Puisi *As-Salam* (2006), Kumpulan Puisi *Asyik* (2006), Kumpulan Puisi *Nafas-Nafas Nurani* (2007) dan Kumpulan Puisi *Taman Takwa* (2009).



## **Objektif Kajian**

Objektif kajian ini ialah:

1. Mengenal pasti dan menganalisis unsur-unsur kerohanian dalam puisi-puisi Suhaimi Haji Muhammad berdasarkan tujuh prinsip teori Takmilah.
2. Merumuskan unsur-unsur kerohanian dalam puisi-puisi Suhaimi Haji Muhammad.

## **Kepentingan Kajian**

Kajian mengenai unsur-unsur kerohanian amat penting. Kerohanian merangkumi aspek-aspek seperti keyakinan kepada Allah SWT, kepercayaan kepada agama, kemantapan jiwa, penghayatan nilai-nilai murni dan norma masyarakat serta berbudi pekerti mulia. Oleh itu, pengkaji merasakan perlunya manusia memahami konsep kerohanian melalui proses pengajaran dan pembelajaran. Tanpa ilmu kerohanian, timbul persoalan apabila mereka yang berilmu pengetahuan tinggi sanggup membuat perkara-perkara yang menyalahi undang-undang dan agama seperti pecah amanah, rasuah dan jenayah. Ini kerana sistem pendidikan sekarang yang lebih menjurus kepada daya fikiran sahaja. Oleh itu, pengkaji merasakan perlunya kesepaduan di antara ilmu bersifat material dan yang bersifat kerohanian. Ini adalah kerana kesempurnaan iman seseorang akan terpancar melalui tingkah laku yang memperlihatkan akhlak yang mulia. Oleh itu, unsur-unsur kerohanian dalam kumpulan puisi Suhaimi Haji Muhammad ini perlu dikaji kerana nilai kerohanian adalah satu bentuk pembinaan yang menjadikan perkembangan rohani sebagai tujuan bagi kehidupan insan dan sebab kejadiannya. Tanpanya, tujuan hidup dan sebab bagi kejadiannya akan hilang.

Selain itu, kajian ini juga akan memberi kepentingan kepada diri pengkaji sendiri, dunia akademik dan para pengkaji lain pada masa hadapan. Kepada diri pengkaji sendiri, kajian ini memberikan kesedaran pentingnya menyuburkan unsur kerohanian dalam diri sebagai sumber membangunkan kualiti dalam kehidupan. Pembangunan aspek kerohanian merupakan salah satu kaedah yang digunakan untuk membentuk sahsiah diri yang baik. Kecerdasan kerohanian akan menentukan sikap, tingkah laku dan etika individu dalam semua perkara.

## Batasan Kajian

Kajian ini akan membataskan penelitian kepada lima buah kumpulan puisi karya Suhaimi Haji Muhammad seperti yang tertera dalam Jadual 1 berikut. Pengkaji akan menggunakan Teori Takmilah dalam usaha menganalisis unsur-unsur kerohanian yang diungkapkan oleh Suhaimi Haji Muhammad dalam kumpulan puisi yang dikaji.

**Jadual 1: Batasan Kajian**

<b>Bil.</b>	<b>Tajuk Kumpulan Puisi</b>	<b>Tahun Penerbitan/Penerbit</b>	<b>Jumlah Halaman</b>	<b>Jumlah Keseluruhan Puisi</b>
1	<i>Kumpulan Puisi At-Tariq</i>	2000/Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur	161	61
2	<i>Kumpulan Puisi As-Salam</i>	2006/Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur	495	202
3	<i>Kumpulan Puisi Asyik</i>	2006/Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur	276	79
4	<i>Kumpulan Puisi Nafas-nafas Nurani</i>	2007/Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur	205	192
5	<i>Kumpulan Puisi Taman Takwa</i>	2009/Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur	222	88
	Jumlah		1359	622

## Kaedah Kajian

**Kaedah Kepustakaan.** Kaedah ini diaplikasikan dengan mencari segala bahan yang berkaitan seperti buku-buku ilmiah, artikel, kertas kerja seminar, jurnal-jurnal dan tesis-tesis. Antara perpustakaan yang digunakan untuk mencari bahan rujukan ialah Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Universiti Putra Malaysia, Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Tun Seri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Negara, Perpustakaan Institut Latihan Islam Malaysia, Bangi, Selangor dan Pusat Dokumentasi Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

**Kaedah analisis Kandungan/Teks.** Kaedah menganalisis teks ini digunakan dengan merujuk kepada lima kumpulan puisi Suhaimi Haji Muhammad, sebagaimana dipaparkan dalam batasan kajian. Kajian ini juga akan menggunakan Teori Takmilah yang diasaskan oleh Shafie Abu Bakar dan perinciannya akan dihuraikan dalam Bab III tesis.

## DEFINISI KONSEP DAN OPERASIONAL

Dalam meneliti perbincangan unsur kerohanian dalam kelima-lima kumpulan puisi Suhaimi Haji Muhammad ini, beberapa kata kunci penting dalam kajian ini akan diterangkan secara terperinci. Kata kunci tersebut ialah unsur, kerohanian dan puisi.

### Unsur

*Kamus Dewan Edisi Keempat* terbitan (2007: 1774) mentakrifkan unsur sebagai bahagian (yang terkecil) daripada sesuatu benda, bahagian benda yang tidak dapat dibahagi-bahagikan lagi, bahan (zat) asal. Manakala *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan Edisi Ekonomi* (2002: 2150) pula mendefinisikan unsur sebagai elemen, zat asal, bahan asal, anasir, inti, komponen.

Merujuk kepada konteks kajian ini, unsur berfokuskan kepada unsur kerohanian yang terdapat dalam Kumpulan Puisi *At-Tariq*, Kumpulan Puisi *As-Salam*, Kumpulan Puisi *Asyik*, Kumpulan Puisi *Nafas-nafas Nurani* dan Kumpulan Puisi *Taman Takwa* yang mencakupi hubungan manusia dengan Allah SWT dan hubungan manusia dengan sesama manusia.

### Kerohanian

Menurut As-Syeikh Ahmad Ridha' Hasbullah dalam bukunya *Taqarrub, Mendekatkan Diri Kepada Allah SWT*, menjelaskan perkataan "rohani," dari segi bahasa Melayu sering dimaksudkan dengan **roh, batin atau yang berkaitan dengan jiwa yang menunjukkan sebagai suatu unsur peribadi manusia yang paling halus yang tidak nampak oleh pancaindera**, tetapi gejala dalam kerjanya dapat dirasakan. Gejala-gejala itu misalnya: **menangkap dan menyimpan pengertian, mengingat, berfikir, berkemahuan, rindu, sedih, gembira dan sebagainya** (As-Syeikh Ahmad Ridha' Hasbullah, 2004: 75).

Melalui ajaran Islam, hakikat kejadian manusia terdiri daripada dua unsur iaitu unsur jasad (kebendaan) dan unsur roh (kerohanian). Hakikat kejadian manusia ini ditegaskan oleh Al-Quran melalui beberapa ayat antaranya dalam surah Al- Sajadah ayat 7-9 yang bermaksud:

Yang menciptakan tiap-tiap sesuatu dengan sebaik-baiknya dan dimulakan-Nya kejadian manusia berasal dari tanah. Kemudian Ia menjadikan keturunan manusia itu dari sejenis pati, iaitu dari air (benih) yang sedikit dipandang orang. Kemudian ia menyempurnakan kejadiannya, serta meniupkan padanya roh ciptaan-Nya.

(Sheikh Abdullah Basmeih, 2008: 415)



Seterusnya, dalam Surah Al-Hijr, ayat 28 hingga 31 di dalam Al-Quran yang bermaksud:

Dan (ingatkanlah peristiwa) tatkala Tuhanmu berfirman kepada Malaikat: “sesungguhnya Aku hendak menciptakan manusia dari tanah liat yang kering, yang berasal dari tanah kental yang berubah warna dan baunya. Kemudian apabila Aku sempurnakan kejadiannya, serta Aku tiupkan padanya roh dari (ciptaan-Ku) maka hendaklah kamu sujud kepadanya. Setelah selesai kejadian Adam maka sujudlah sekalian Malaikat, semuanya sekali, kecuali melainkan Iblis; ia enggan turut bersama mereka yang sujud. (Sheikh Abdullah Basmeih, 2008: 263)

Dalam ayat-ayat yang disebut di atas Allah menegaskan bahawa Allah telah meniupkan dari roh-Nya, pada jasmani Adam atau jasmani zuriat keturunannya setelah dijadikan bentuk rupanya sebagai insan. Allah tidak menceritakan kepada manusia tentang bagaimana cara atau kaifiyat Allah meniupkan dari Roh-Nya itu. Cara atau kaifiyat ini dirahsiakan oleh Allah kerana manusia tidak selayaknya dan tidak seharusnya mempergunakan akal atau memaksa akal untuk mengkaji dan mencari jawabannya, kerana Allah yang Maha Pencipta manusia sendiri tidak pun membayangkan keharusan akal untuk mengharunginya. Persoalan bagaimana Allah telah meniupkan dari Roh-Nya adalah persoalan yang di luar dari kemampuan akal manusia.

Dari nas-nas yang dibentangkan oleh Allah SWT tadi terbukti dengan jelas bahawa manusia dicipta dari dua unsur iaitu jasmani yang berpunca dari tanah, dan kedua dari unsur rohani yang berpunca dari urusan ketuhanan, atau dari alam ketinggian dan kekudusan, dari sisi Allah. Cantuman dari dua unsur yang berbeza dan berlainan tabiat, sumber dan arah matlamatnya terciptalah insan atau manusia dengan kekuasaan dan Iradah Allah SWT. Sebagaimana unsur jasmaninya mempunyai tuntutan atau keperluan yang sesuai dengan tabiat kejasmaniannya, maka demikian juga unsur rohaniannya mempunyai tuntutan atau keperluan yang sesuai dengan tabiat kerohaniannya. **Sebagaimana tuntutan jasmani itu berpunca dari tanah, maka demikianlah juga tuntutan rohaniannya itu berpunca dari alam ketinggian dan kekudusan, iaitu terangkum pada akidah, akhlak dan pengabdian** atau ringkasnya yang tersimpul dalam kalimah Islam. Oleh itu, menepati dengan hakikat ini Allah menegaskan bahawa agama Islam itu adalah fitratullah atau fitrah kejadian manusia. Yang bererti Allah menjadikan manusia dari tiada dan menciptakan pula agama Islam untuk panduan hidupnya, sebagai suatu cara hidup yang lengkap sempurna, sesuai dengan tabiat semulajadi manusia itu sendiri (Haron Din, 2003: 4).

Allah SWT menegaskan bahawa kejadian insan adalah sebaik dan seindah kejadian iaitu keindahan yang dikehendaki ialah keindahan dalam kedua-dua unsurnya iaitu jasmani dan rohani. Bentuk lahir atau jasmaninya memang telah indah dan sempurna. Bentuk keindahan ini secara langsung adalah dari ciptaan Allah SWT tetapi keindahan dalam bentuk lahirnya yang diistilahkan oleh Al-Quran itu belum menepati keindahan dan kesempurnaan insan seperti yang dikehendaki oleh Allah Maha Penciptanya. Keindahan dan kesempurnaan insan memerlukan juga kepada pembentukan keindahan rohani yang diistilahkan Al-Quran dengan “al-Khalaq”. Untuk mendapatkan

keindahan rohani maka usaha itu diserahkan kepada manusia supaya membentuk diri kerohaniannya atau keperibadiannya itu mengikut hukum yang telah ditentukan oleh Allah Maha Penciptanya. Ringkasnya manusia hendaklah **meleburkan unsur kerohaniannya ke dalam “Acuan Allah”**. Kesimpulannya, walaupun manusia dicipta dari dua unsur yang berbeza dan bercanggah tetapi dengan kekuasaan Allah SWT. yang memiliki unsur-unsur dan undang-undangnya telah mencantumkan kedua-dua unsur tersebut dalam satu bentuk kejadian yang dinamakan manusia. Kegiatan kedua-dua unsur tersebut hanya akan dapat melukiskan “ciptaan” seni hidup yang indah dan bernilai sekiranya berpandukan acuan yang telah ditentukan oleh Maha Penciptanya. Tanpa panduan dari formula atau kaedah-kaedah yang telah ditetapkan oleh Allah Maha Penciptanya maka sudah pasti akan melahirkan lukisan hidup yang tidak seni dan bernilai yang mengisi tamadun manusia (Haron Din, 2003: 5).

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2007: 1339) perkataan kerohanian bererti kebatinan. Kerohanian atau rohani, dalam maksud terhad, merujuk kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan roh. Manakala dalam maksud yang lebih luas, membawa maksud semangat intrinsik yang dipunyai oleh segala jirim di dunia. Walaupun begitu rohani selalu dikaitkan dengan perasaan dalaman manusia yang melibatkan **emosi sendiri dan penaakulan strategik**.

Menurut Forzi dalam bukunya *Mengupas Persoalan Tasawuf dan Wasiat Palsu* (2009: 37) menjelaskan makna kerohanian dalam agama ialah memperdalam ke arah bahagian rohaniah, ubudiah, dan perhatiannya tercurah sekitar permasalahan itu. Melalui buku tersebut diperjelaskan tujuan kerohanian adalah **mendekatkan diri serapat mungkin dengan Tuhan sehingga dia dapat melihat-Nya dengan mata hati bahkan rohnya dapat bersatu dengan Roh Tuhan**. Falsafah yang menjadi dasar pendekatan diri itu adalah pertama, Tuhan bersifat rohani, maka bahagian yang dapat mendekati diri dengan Tuhan adalah roh bukan jasadnya. Keduanya, Tuhan adalah Maha Suci, maka yang dapat diterima Tuhan untuk mendekati-Nya adalah roh yang suci. Kerohanian adalah ilmu yang membahaskan masalah **pendekatan diri manusia kepada Tuhan melalui penyucian rohnya**.

Seterusnya Che Zuina Ismail (2006: 97-98) menjelaskan rohani atau kerohanian manusia adalah sumber kebahagiaan dan kecelakaan hidup seseorang. Rohanilah yang **memandu dan mengawas segala anggota badan kasar seseorang baik kepada kebajikan mahupun kepada kejahatan**. Oleh sebab itu mendidik roh atau jiwa lebih berat dan sukar. Tetapi kesukaran ini dapat diatasi dengan menggunakan pembimbing rohani yang terpenting iaitu **iman dan keyakinan kepada Allah SWT yang dipupuk dan dipersuburkan dengan ilmu pengetahuan yang berguna dan amalan soleh**. Pembangunan kerohanian adalah suatu bentuk pembangunan yang menjadikan perkembangan rohani sebagai tujuan bagi kehidupan insan dan sebab bagi kejadiannya. Pembangunan kerohanian juga merupakan pembangunan yang memberi makna yang hakiki kepada diri insan dan kehidupannya. Tanpa pembangunan kerohanian, manusia akan kehilangan tujuan hidupnya dan sebab bagi kejadian dirinya. Krisis kekosongan rohani akan melanda mereka dan akhirnya mereka mungkin mengalami penyakit jiwa. Pembangunan rohani dalam Islam, yang merupakan sebab bagi kehidupan manusia tidak kelihatan pada mata kasar. Apa yang dapat dilihat ialah manifestasinya sahaja. Misalnya manusia **mengamalkan akhlak yang mulia, membina kekuatan ekonomi berlandaskan syariat Tuhan, membina kekuatan ilmu dan persaudaraan dan**



**melakukan amalan ibadat khusus.** Namun begitu, kemuncak pembangunan rohani hanya mampu dicapai oleh individu yang benar-benar menghampiri diri kepada Allah melalui ibadat khusus dan umum.

Menurut Mohd Sulaiman Haji Yasin (1987: 24-25) kehidupan Rasulullah s.a.w adalah terjemahan yang tepat kepada **konsep kehidupan kerohanian Islam iaitu kehidupan yang hakiki di sisi Allah Maha Pencipta.** Rasulullah s.a.w telah diiktiraf oleh Allah SWT sebagai manusia tunggal yang telah menjalani dan menghayati kehidupan kerohanian Islam yang sebenar dan sempurna. Maka, dengan itu, Rasulullah s.a.w. telah diiktiraf oleh Allah SWT sebagai manusia yang berhak menjadi contoh kekal abadi sepanjang zaman kepada setiap generasi umat yang mengakui dan menerima konsep kehidupan yang hakiki iaitu kehidupan yang beasaskan kepada hakikat Allah, hakikat hari akhirat. Oleh kerana itu dalam hubungan ini Allah menegaskan bahawa **Rasulullah itu adalah contoh yang baik kepada mereka yang mengharapkan pertemuan dengan Allah dan hari akhirat serta mereka yang banyak mengingati Allah.** Keagungan dan ketinggian kerohanian Rasulullah s.a.w. inilah yang mengagumkan para sahabat, sehingga tidak terucap oleh bibir dan tidak terlintas di hati mereka. **Segala kegiatan dalam melaksanakan tugas kenabian dan kerasulan yang meliputi semua aspek kehidupan adalah terpancar daripada asas kerohaniannya yang tinggi.** Golongan para sahabat inilah yang kemudian menjadi saksi kepada generasi kemudian atas sistem kehidupan kerohanian Islam, sebagaimana Rasulullah s.a.w. telah menjadi saksi atas kebenaran sistem hidup kerohanian Islam kepada mereka.

Merujuk *Ihya Ulummiddin Jilid 4* karangan al-Ghazali yang membincangkan berkaitan kalbu, akal dan nafsu, beliau menyatakan terdapat tiga tahap penting yang ada dalam diri seseorang iaitu **kalbu (hati), akal dan nafsu. Kalbu berada di tahap yang paling teratas kerana dengan hati manusia mengenal Tuhan-Nya kerana akal hanya dapat menilai perkara logik yang boleh dilihat dengan mata kasar tetapi hati yang yakin akan kewujudan Allah yang Esa.** Pengertian kalbu (hati) bukanlah merujuk kepada daging yang berbentuk *buah shanaubar*, terletak pada pinggir dada yang kiri tetapi hati ini merujuk kepada pengertian yang halus (*lathifah*), ketuhanan (*rabbaniyah*), kerohanian (*ruhaniyah*). Yang halus itu ialah hakikat manusia, dialah yang merasa, yang mengetahui, dan mengenal diri manusia. Pernyataan ini membawa maksud bahawa **pengertian hati merujuk kepada hati yang bersih dan dipenuhi dengan sifat-sifat kerohanian dan ketuhanan yang tinggi** (Al-Ghazali, 1988: 7).

Berdasarkan pendapat-pendapat yang diutarakan oleh para sarjana didapati terdapat unsur-unsur kerohanian walaupun tidak secara langsung definisi kerohanian tersebut diberikan. Pendapat-pendapat sarjana berkaitan kerohanian telah **ditebalkan** perkataannya bagi memudahkan pemahaman tentang unsur-unsur kerohanian yang akan dikaji oleh pengkaji. Oleh itu, unsur-unsur kerohanian dalam konteks kajian ini ialah meliputi hubungan kerohanian dengan akidah, muhasabah diri, mujahadah al-nafs, serta maqam-maqam kerohanian seperti makrifatullah, taubat, zuhud, sabar, takwa, tawakkal, redha, syukur, amar ma'ruf nahi mungkar dan insan al-kamil.

## Puisi

Menurut B.P. Situmorang (1974: 7), beliau berpendapat puisi merupakan penghayatan kehidupan manusia keseluruhannya yang dicerminkan oleh penciptanya dengan segala peribadinya, fikirannya, perasaannya, dan kemahuannya. Beliau juga memetik pendapat William Wordsworth yang memberi definisi puisi sebagai peluapan yang spontan dari perasaan-perasaan yang penuh dengan daya memperoleh asalnya dari emosi atau rasa yang dikumpulkan kembali dalam kedamaian.

Menurut Anis Sabirin (1981: 7) pula, puisi mempunyai hubungan yang sangat erat antara ketelitian dengan temanya yang boleh membawa kesan kepada pembaca. Puisi yang menarik akan memberikan kesan estetika yang tinggi terutamanya melalui penyusunan kata-kata yang abstrak dan konkrit. Tambah beliau lagi:

"Puisi ialah cabang kesenian yang disebut sastera atau kesusasteraan yang bererti bahasa yang indah, berirama dan mempunyai bentuk yang tertentu. Kalau prosa lebih panjang berleret, puisi biasanya lebih singkat. Ia dikongkong oleh bentuknya di dalam setiap hal lebih padat, lebih ringkas dan lebih berkesan dari prosa".

Seterusnya, Rahman Shaari (1978:70) berpendapat puisi merupakan ungkapan atau rangkaian kata-kata yang berangkap-rangkap. Kata-kata di dalam puisi disusun dengan memberatkan irama, bunyi, rima dan kiasan. Tambah beliau, pada masa dahulu, karya seni ini dicipta untuk maksud tertentu seperti jampi mantera yang digunakan untuk upacara perubatan (tradisional), pantun remaja yang digunakan untuk meluahkan perasaan dan fikiran. Begitu juga dengan gurindam, syair, seloka yang masing-masing mendukung peranan yang tertentu. Manakala sajak pula merupakan puisi moden yang terbahagi kepada beberapa jenis. Antaranya seperti puisi cinta (*love poetry*) yang boleh dihasilkan untuk meluahkan perasaan tentang cinta, puisi dramatik (*dramatic poetry*) yang boleh dikenali melalui pemakaian dialog di dalamnya, puisi erotik (*erotic poetry*) iaitu sebuah puisi yang mengungkapkan tentang seks ataupun perhubungan seks, puisi naratif (*narrative poetry*) yang di dalamnya terdapat cerita yang jelas dan puisi okasional (*occasional poetry*) yang telah ditulis selepas berlaku sesuatu peristiwa.

Di samping Rahman Shaari, Muhammad Hj. Salleh (1984: 2) pula menyatakan puisi ialah suatu genre sastera atau bentuk-bentuk sastera yang menggunakan dengan banyaknya unsur-unsur bahasa seperti rima, irama, dan metafora. Definisi ini menggolongkan bentuk mantera, gurindam, syair, nazam, seloka, pantun, dan sajak tergolong dalam puisi. Menurut Muhammad Haji Salleh (2001: 9) istilah puisi membawa konotasi bahawa karya yang dimaksudkan dalam satu-satu pembicaraan itu mencapai peringkat yang tinggi. Istilah sajak pula membawa makna yang karya itu belum sampai ke peringkat sastera. Muhammad Haji Salleh juga berpendapat, jika seseorang penyair menyebut sajak untuk karyanya sendiri bermakna penyair itu merendah diri. Dan jika ia menggunakan istilah puisi untuk karyanya maka itu adalah tanda sebaliknya. Selain itu, Hashim Awang (1984: 55) mengatakan puisi mempunyai makna yang sama dengan *poezie* dalam bahasa Belanda dan *poetry* dalam bahasa Inggeris yang membawa pengertian karangan berangkap. Safiah Hussein dan rakan-rakan (1988: 262) dalam *Glosari Istilah Kesusasteraan*, mendefinisikan puisi sebagai

istilah yang digunakan untuk pelbagai bentuk pengucapan yang berirama, dilahirkan melalui tanggapan yang penuh imaginatif dari seseorang penulis atau penyair.

Manakala Samsina Abdul Rahman, (1989: 35) pula berpendapat puisi adalah suatu pengucapan atau pernyataan yang menggunakan bahasa berirama, nilai-nilai estetika, perutusan, matlamat atau tujuan yang dianggap sebagai gagasan atau pusat pemikiran (*center of ideal*) seseorang penyair. Puisi tercipta hasil dari pengamatan, pengalaman dan perasaan penyair terhadap sesuatu peristiwa yang dianggap penting dan penuh makna iaitu peristiwa-peristiwa tentang manusia dan kehidupannya.

Kamaruzzaman Abd. Kadir, (1992: 46) atau nama pena Dharmawijaya menjelaskan bahawa puisi adalah ekspresi tentang pengenalan manusia secara imaginatif dan terjelma dalam bentuk-bentuk struktur awal serta bahasa yang indah untuk menemukan nilai rasa dan nilai erti yang seimbang. Ciri utama puisi itu sendiri, mengandungi unsur-unsur emosi, imaginatif dan akal budi. Kesan daripada ketiga-tiga unsur tersebut lebih banyak memancarkan keinginan serta kecenderungan penyair mengungkapkan pelbagai sentuhan rasa dan tanggapan mata hatinya. Ini antaranya terjelma sebagai harapan, cita-cita, impiannya serta hubungan manusia dengan masyarakat persekitarnya.

Seterusnya, Arba'ie Sujud dan Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi (2006: 26) pula mengatakan bahawa sajak tergolong dalam puisi moden yang terkeluar daripada ciri-ciri rigid puisi Melayu tradisional. Sajak mempunyai bentuk yang bebas. Kebebasan ini bermaksud keupayaan dan kesediaannya menerima bentuk-bentuk yang terdapat daripada puisi tradisional mahupun daripada bentuk-bentuk baru yang dihasilkan berdasarkan kreativiti dan sensitiviti penyair ataupun penggabungan daripada bentuk-bentuk yang ada. Walaupun begitu, sajak masih lagi terikat dengan penerapan dan penggunaan bahasa sebagai medium penyampaian. Secara umumnya pula, kedua-dua pengkaji telah sepakat mengatakan sajak terbentuk daripada kata-kata terbaik dalam susunan terbaik, iaitu yang menegaskan pendapat penyair Inggeris, T.S. Coleridge.

### **Definisi Operasional**

Dalam pengkajian ini pengkaji akan mengkaji unsur-unsur kerohanian dalam puisi-puisi Suhaimi Haji Muhammad melalui lima kumpulan puisinya yang berjudul Kumpulan Puisi *At-Tariq* (2000), Kumpulan Puisi *As-Salam* (2006), Kumpulan Puisi *Asyik* (2006), Kumpulan Puisi *Nafas-Nafas Nurani* (2007) dan seterusnya Kumpulan Puisi *Taman Takwa* (2009). Unsur-unsur kerohanian tersebut mencakupi persoalan tentang hubungan kerohanian dengan akidah, muhasabah diri, mujahadah al-nafs, maqam-maqam kerohanian seperti makrifatullah, taubat, zuhud, sabar, takwa, tawakkal, redha, syukur serta amar ma'ruf nahi mungkar dan insan Al-Kamil. Kesimpulannya, pembangunan unsur-unsur kerohanian kepada manusia perlu dijadikan keutamaan bagi membangunkan peribadi insan agar menjadi seorang Muslim yang beriman dan bertakwa kepada Allah SWT. Tanpa pembangunan unsur-unsur kerohanian ini akan hilanglah tujuan hidupnya dan sebab bagi kejadian dirinya.

## BIBLIOGRAFI

- Abdul Halim Ali. *Ikhtisar Teori & Kritikan Sastera Barat dan Malaysia*. Tanjung Malim: Penerbitan Profesional Baharu. 2006.
- Abdul Halim Ali. *Teori Takmilah Peluasan dan Penafsiran*. Selangor: Persatuan Penulis Budiman Malaysia, 2014.
- Abdul Hadi W.M. "Iqbal, Puisi dan Wawasan Estetik". *Dewan Sastera*. Jld. 20. Bil. 8. 1988: 61-67
- Ab. Rahman Ab. Rashid, Harun Jaafar, Mohd Saludin, Talib Samat. *Kamus Sastera Melayu*. Petaling Jaya: Longman. 2000
- Abul Khairi Al-Latifi. *Menjana Martabat Umat Islam*. Kuala Lumpur: Darul Nu'Man. 1998.
- Ahmad Kamal Abdullah. *Symbolisme dalam Puisi Islam di Malaysia 1970-1990*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010.
- Ahmad Kamal Abdullah. *Puisi-Puisi Melayu Berunsur Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1989.
- Akmal Hj. Mhd. Zain. *Wasiat Nasihat Kerohanian*, Al-Hidayah Publishers, Kuala Lumpur, 2003.
- Amiruddin Faatih. *Penciptaan Roh, Jin dan Malaikat*, Al-Hidayah Publication, Selangor, 2011.
- Aminuddin Mamat. "Puisi-Puisi Johor Buang dan Rahimidin Zahari: Satu Analisis Takmilah". *Master Sastera*. Serdang: Universiti Putra Malaysia, 2000.
- A. Rahim Abdullah. "Sastera Islam: Karya Untuk Kesejahteraan Umat". *Dewan Sastera*. Jun 1983. Jld. 13. Bil.6: 53-55.
- Anis Sabirin. *Mengenai Puisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1981.
- Arba'ie Sujud, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. *Sastera Melayu Suatu Pengantar*. Kuala Lumpur: Tinta Press Sdn. Bhd., 2006.
- As-Syeikh Ahmad Ridha' Hasbullah. *Taqarrub-Mendekatkan Diri Kepada Allah SWT*. Putrajaya: Percetakan Putrajaya Sdn. Bhd., 2004.
- Che Zuina Ismail. *Pengantar Asas-Asas Islam*. Selangor: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), UiTM, 2006.
- Dayang Nor Azizah Azmi. "Nilai-Nilai Insaniah Dalam Kumpulan Puisi Anismas AR". *Projek Ilmiah Kesusasteraan Melayu*. Serdang: Universiti Putra Malaysia, 2009.

- Faridah bt. Mohd Saad. “Aplikasi Takmilah Dalam Puisi Al-Amin”. *Ijazah Sarjana Sastera*. Serdang: Universiti Putra Malaysia, 2006.
- Fairuz Fazela binti Kamarzaman. “Teori Takmilah dalam Menganalisis Kumpulan Puisi Kemala”. *Bachelor Sastera*. Serdang: Universiti Putra Malaysia, 2010.
- Forzi, *Mengupas Persoalan Mengenai Tasawuf dan Wasiat Palsu*. Kelantan: Pustaka Sukses, 2009.
- Harun Yahya. *Nilai-nilai Moral dalam Al-Quran*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publication, 2008.
- Hashim Haji Musa & Nor Azuwan Yaakob. *Melayu dalam Cabaran*. Serdang: Universiti Putra Malaysia, 2010.
- Hashim Awang. *Mendekati Kesusasteraan Melayu*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn.Bhd., 1985.
- Hashim Awang. “Penelitian Kesusasteraan Melayu”. *Dewan Sastera*. Julai 1988. Jld. 18. Bil. 7: 13-15.
- Ismail Hamid. *Asas Kesusasteraan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.
- Johari & Azhari (Penterjemah). *Bimbingan Mukminin Ringkasan Ihya’ Ulumuddin Karangan Imam al-Ghazali*. Selangor: Nadi Minda Resources, 2010.
- Jacob Sumardjo. *Memahami Kesusasteraan*. Bandung: Penerbitan Alumni, 1984.
- Jelani Harun. *Jalan Ke Taman*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 2013.
- Johari Haji Alias. *Mencari Kesempurnaan Pekerti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003.
- Kamariah Kamarudin. *Takmilah dalam Novel Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2011.
- Kamariah Kamarudin. *Novel-novel berunsur Islam: Satu Analisis Berdasarkan Teori Takmilah*.
- Kamariah Kamarudin. “Kumpulan Puisi Wujud: Kajian Berdasarkan Takmilah”. *Sarjana Sastera*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2000.
- Kamariah Kamarudin. “Novel-Novel Berunsur Islam Satu Analisis Berdasarkan Teori Takmilah”. *Tesis Doktor Falsafah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006.
- Kamariah Kamarudin. “Takmilah Dalam Sastera Melayu: Tumpuan Novel Arbain dan Hidayah”. *Ijazah Sarjana Muda Sastera*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 1997/1998.



- Kamaruzzaman A. Kadir. *Puisi Sepanjang Zaman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992. *Tesis Doktor Falsafah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2006.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007.
- Maniyamin bin Haji Ibrahim. *Citra Takmilah, Analisis terhadap Kumpulan Puisi Islam*. Selangor: Karisma Publications Sdn. Bhd, 2005.
- Mana Sikana. *Sastera Islam Di Malaysia*. Kuala Lumpur, Penerbitan Sarjana Sdn. Bhd, 1983.
- Mana Sikana. *Teori & kritikan sastera Malaysia & Singapura*. Singapura : Penerbit Pustaka Karya, 2005.
- Mohd Affandi Hassan. *Pendidikan Estetika Daripada Pendekatan Tauhid*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992.
- Mohd. Yusof Hasan. *Pemikiran saintifik (SP4L)*. Sintok: Sekolah Bahasa dan Pemikiran Saintifik, Universiti Utara Malaysia, 1994.
- Mohd. Yusof Hasan. *Pemikiran saintifik SP4L*. Petaling Jaya: Pearson Education Malaysia Sdn. Bhd., 2000.
- Mohd. Yusof Hasan, Mohamad Azmi Ab. Rahman, Ghazali Hamid & Syd. Abdul Rahman Syd. Zin. *Pengantar pemikiran*. Sintok: Pusat Pendidikan Profesional dan Lanjutan (PACE), Universiti Utara Malaysia, 2001.
- Mohd Sulaiman Hj. Yasin. *Mengenal Ilmu Tasawuf*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1984.
- Mohd Sulaiman Hj. Yasin. *Penghantar Aqidah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984.
- Mohd Radzi Othman et. al. *Warisan Al-Quran, Peradaban Manusia*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 2003.
- Mohammad Nidzam Abd. Kadir, *Tasawuf Kontemporari*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd., 2010.
- Muhammad Haji Salleh. *Pengenalan Puisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984.
- Muhammad al-Ghazali Terjemahan Prof. T.K.H.Ismail Yakub SH;MA. *Ihya Ulummiddin Jilid 4*. Kuala Lumpur: Victoria Ajensi, 1988.
- Muhammad Ghazali, *Takwa Membentuk Akhlak Yang Mulia*. Selangor: Pustaka Ilmi, 1995.

- Muhammad Uthman El-Muhammady. *Peradaban Dalam Islam*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press, 1982.
- Muhammad Kamal Hassan, “Konsep Keindahan dalam Islam dan Hubungannya Dengan Seni dan Sastra: Satu Pandangan Umum”. *Dewan Sastra*, Ogos 1980.
- Mustapha Mohammad Al-Jiasi. *Mengenal Diri Dan Wali Allah*. Kota Bharu, Kelantan: Pustaka Aman Press, 1972.
- Musa Bin Fathullah Harun. *Pengantar Tasawwuf Islam*. Selangor: Syarikat Meza, 1996.
- Mohd Sulaiman Haji Yasin. *Pengenalan Tamadun Islam Konsep Kerohanian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987.
- Mohd Azizan bin Mohamad Pawi. “Unsur Alamiah dan Keagamaan dalam Puisi-puisi J.M. Aziz”. *Master Sastra*. Serdang: Universiti Putra Malaysia, 2011.
- Naapie Mat. *Pemikiran Penyair Melayu*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd, 2004.
- Nik Abdul Aziz Nik Mat, *Taqwa*. Selangor: Anbakri Publika Sdn. Bhd, 2008.
- Noor Izzatul Azmilah binti Abdul Rahman. “Teori Takmilah: Aplikasi Terhadap Kumpulan Puisi Bicara Kasih Karya A. Aziz Deraman”. *Bachelor Sastra*. Serdang: Universiti Putra Malaysia, 2007.
- Norashikin bte Hashim. “Analisis Pemikiran Islam dalam Kumpulan Puisi Wujud Karya Suhaimi Haji Muhammad”. *Bachelor Pendidikan (PBMP)*. Serdang: Universiti Putra Malaysia, 1999.
- Norfaiziana binti Muhamad Hanafi. “Konsep-konsep Tasawuf dalam Kumpulan Puisi Taman Takwa Karya Suhaimi Haji Muhammad”. *Bachelor Sastra*. Serdang: Universiti Putra Malaysia, 2011.
- Nordin Saad. “Unsur-Unsur Kerohanian dalam Kumpulan Puisi Isa Kamari”. *Ijazah Bachelor Sastra*. Serdang: Universiti Putra Malaysia, 2010.
- Ong Latifah Osman, Sahara Jais & Rosnah Radin. *Antologi Puisi Sumur Mahmudah, Mawaddah dan Anugerah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006.
- Othman Puteh. *Riak dan Gelombang Sastra Melayu Kumpulan Esei Ramli Isin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984.
- Othman Napiah, *Ahwal dan Maqamat dalam Ilmu Tasawuf*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia, 2001.
- Othman Hj Ibrahim. *Penyucian Jiwa dan Cara-caranya*. Kuala Lumpur: Darul Nu’Man, 2009.



- Puteh Ishak. *Ibn Taimiyya: Sejarah Hidup dan Tasawuf*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993.
- Rokiah Ahmad, *Adab Pergaulan Menurut Al-Quran dan Al-Sunnah*. Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid, 2004.
- Rosiron Anwar dan Mukhtar Solohin. *Ilmu Tasawuf*. Bandung: CV Pustaka Setia, 2000.
- Rohimi Jamel. "Pemikiran Tasawuf Dalam Kumpulan Puisi At-Tariq dan Kumpulan Puisi Kharmizi". *Master Sastera*. Serdang: Universiti Putra Malaysia, 2004.
- Rosni Yunus. "Pemikiran Islam dalam Puisi-puisi Johar Buang dari Sudut Pengkaedahan Melayu". *Ijazah Master Sastera*. Universiti Putra Malaysia, 2010.
- Rukiah Mohamad. *Asas-asas Pembinaan Insan*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), UiTM, 2008.
- S. Othman Kelantan. *Arah Pemikiran Sastera Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1987.
- Sa'id Hawwa. *Mensucikan Jiwa*. Selangor: Pustaka Dini Sdn. Bhd, 2008.
- Safian Hussain. *et al. Glosari Istilah Kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988.
- Samsina Abd. Rahman. "Unsur Tasawuf dalam Puisi Melayu Moden". *Monograf Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu Bil.2* Ed. Mohd Kassim Ismail. Serdang: Universiti Putra Malaysia, 2001. 91-108.
- Samsina Abd. Rahman. "Insan Al-Kamil dalam Puisi Melayu". *Monograf Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu Bil.5* Ed. Mohd Kassim Ismail. Serdang: Universiti Putra Malaysia, 2001. 99-120.
- Samsina Abd. Rahman. "Amar Ma'ruf Nahi Mungkar dalam Puisi Melayu". *Monograf Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu Bil.7* Ed. Mohd Kassim Ismail. Serdang: Universiti Putra Malaysia, 2002. 81-110.
- Samsina Abd. Rahman. "Novel Muhammad Akhir: Analisis dari Sudut Takmilah". *Monograf Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu Bil.8* Ed. Mohd Kassim Ismail. Serdang: Universiti Putra Malaysia, 2003. 113-135.
- Samsina Abd. Rahman. "Tuntutan Mujahadah al-Nafs dalam Puisi-puisi Melayu Moden". *Monograf Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu Bil.9* Ed. Mohd Kassim Ismail. Serdang: Universiti Putra Malaysia, 2004. 107-116.
- Samsina Haji Abd. Rahman. "Teori Takmilah dalam Puisi-puisi Malaysia". *Dewan Sastera*. Februari (2001). Jld. 31. Bil. 2: 14-23

- Samsina Abd. Rahman. "Puisi-Puisi Sayembara Anugerah Puisi Putra: Kajian Pemikiran dan Nilai Estetik. *Tesis Sarjana Persuratan*. Universiti Kebangsaan Malaysia, 1990.
- Samsina Abd. Rahman. "Unsur-Unsur Tasawuf Dalam Puisi-Puisi Melayu Moden di Indonesia dan Malaysia: Satu Analisis Perbandingan. *Tesis Doktor Falsafah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1998.
- Sahlan Mohd Saman. *Pengarang Teks dan Khalayak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994.
- Sahlan Mohd Saman. *Sejarah Kesusasteraan Melayu Moden – Puisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.
- Shafie Abu Bakar. 'Takmilah: Teori Sastera Islam'. S. Jaafar Husin, ed. *Nadwah Ketakwaan Melalui Kreativiti*: Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995.
- Shafie Abu Bakar. "Kau dan Aku: Analisis Takmilah". *Dewan Sastera*, Januari: 37-42, 1995.
- Shafie Abu Bakar. "Sastera Islam: Perkembangannya di Malaysia". *Dewan Sastera*, Jun 1983: 10-16.
- Shafie Abu Bakar. "Takmilah: Teori, Falsafah dan Prinsip". Mana Sikana, ed. *Teori Sastera dan Budaya dalam Kajian Akademik*. Bangi: Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1997.
- Sheikh Abdullah Basmeih. *Al-Quran dan Terjemahan*. Kuala Lumpur: Darulfikir, 2008.
- Sheikh Othman Sheikh Salim. *Kamus Dewan (Edisi Baru)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993.
- Situmorang B.P. *Puisi dan Metodologi Pengajaran Kesusasteraan*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti, 1974.
- Suhaimi Haji Muhammad. *At-Tariq*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2000.
- Suhaimi Haji Muhammad. *As-Salam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006.
- Suhaimi Haji Muhammad. *Asyik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2006.
- Suhaimi Haji Muhammad. *Nafas-nafas Nurani*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007.
- Suhaimi Haji Muhammad. *Taman Takwa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009.

Suhaimi Haji Muhammad. *Denyutkan Jantung*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010.

Urus Setia Panel Anugerah Sastera Negara, *Sastera dan Kemanusiaan*: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997.

Umar Junus. *Sikap dan Pemikiran Dalam Puisi Melayu Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980.

Yusuf al-Qaradawi, terjemahan Rosli Mokhtar. *Kesederhanaan dalam Islam*. Casa Publication, 2011.

Zahara Zulkifli. "Pemikiran Dalam Puisi-Puisi Leo A.W.S.: Analisis Takmilah". *Ijazah Master Sastera*, Universiti Putra Malaysia, 2001.

Zakaria Stapa. *Akhlak dan Tasawuf Islam*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd, 1995.

Zakaria Stapa & Mohamed Asin Dollah. *Islam Akidah dan Kerohanian*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2001.

### **Laman Sesawang**

<http://www.scribd.com/nota-kerohanian>. Dimuatturun pada Januari 2013.

[http://www.utusan.com.my/utusan/Sastera/20140105/sa\\_01/Kembalinya-penyair-surrealis](http://www.utusan.com.my/utusan/Sastera/20140105/sa_01/Kembalinya-penyair-surrealis). Dimuatturun pada Januari 2014.

[http://www.utusan.com.my/utusan/Sastera/20140105/sa\\_01/Kembalinya-penyair-surrealis](http://www.utusan.com.my/utusan/Sastera/20140105/sa_01/Kembalinya-penyair-surrealis). Dimuatturun pada Januari 2014.